

TARIKH	30 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1-31	RUANGAN	NEWS

Cacat bukan penghalang tunai haji

JOHOR BAHRU 29 Ogos - Walaupun merupakan orang kurang upaya (OKU), namun ia bukan penghalang bagi dua warga emas mengerjakan ibadat haji bersama rombongan kerajaan Johor pada September ini.

Malah, pesara tentera, **Md. Tahir Hassan**, 63, dan bekas guru tadika, **Asnah Ariffin**, 57, kini tidak sabar menjadi tetamu Allah.

Md. Tahir yang kehilangan kaki kanan akibat terkena jerangkap samar semasa berkhidmat di Selatan Thailand pada 1977 berterima kasih kerana diberi peluang mengerjakan ibadat haji lebih awal daripada gilirannya jika mengikut kuota Tabung Haji.

"Peluang yang diberikan kerajaan

negeri adalah satu rahmat kepada saya untuk menjalani ibadat haji ini," katanya semasa ditemui pada Majlis Perjumpaan Bakal-bakal Haji Rombongan Kerajaan Johor Tahun 1433H/2012M di

Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, di sini semalam.

Pada majlis yang dihadiri Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, beberapa Exco kerajaan negeri serta ketua-ketua jabatan agensi kerajaan itu, semua yang terlibat terlebih dahulu diberi taklimat ringkas sebelum menikmati makan tengah hari.

Bagi Asnah yang kudung kedua-dua belah kaki dan menggunakan kerusi roda untuk bergerak tidak menganggap kekurangan dirinya penghalang untuk mengerja-

kan rukun Islam kelima itu.

Malah, dia bersemangat dan yakin mampu mengerjakan ibadat tersebut dengan baik.

Dia yang akan ditemani suami, Nasir Md. Saat, 64, dan anak perempuannya, Faizi Adha Nasir, 33, memberitahu, keprihatinan kerajaan negeri membiayai kosnya ke Mekah amat dihargai sekali gus berasa sumbangan yang diberikan selama ini diberi pengiktirafan oleh kerajaan.

"Saya gembira kerana diberi peluang mengerjakan ibadat haji dengan dibiayai kerajaan negeri Johor.

"Saya berharap semuanya akan berjalan lancar ketika di sana sekali gus dapat mengatasi segala kekurangan yang ada," katanya.



ASNAH ARIFFIN **MD. TAHIR**